

## **TAJUK PROJEK**

**TROLI MUDAH ALIH LARAS**

## **GAMBAR AHLI KUMPULAN INOVASI KOMPLEKS ABATOIR KUALA TERENGGANU**



**MUSA BIN MOHAMMAD**  
**PEN.PEGAWAI VETERINAR G29**  
**PENGURUS RSKT**



**ABDUL MUNIR BIN WAHAB**  
**PEN.PEGAWAI VETERINAR G29**  
**BHG. PEMERIKSAAN DAGING & PEMBANGUNAN**



**SALFA DEELA BINTI HANIFAH**  
**PEN.PEGAWAI VETERINAR G29**  
**BHG. PEMERIKSAAN DAGING & REKOD**



## PENGENALAN


Kompleks Abatoir Kuala Terengganu merupakan satu- satunya Pusat Penyembelihan Ternakan Ruminan di Daerah Kuala Terengganu dibawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Telah memulakan operasi pada tahun 1996 dan meliputi kawasan tapak seluas 2.1153 hektar yang terletak di kawasan Perindustrian Gong Badak , Kuala Terengganu . Jarak Kompleks Abatoir dengan bandar Kuala Terengganu adalah kira-kira 12 km, berada di kedudukan GPS N 05 22.741' dan E 103 04.66'. (Plan lokasi ) .Kompleks Abatoir ini terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian Ruminan dan Bhagaian Pentadbiran . Bahagian Ruminan menjalankan operasi penyembelihan dan penyediaan karkas berkapasiti 20 ekor sehari dengan mengeluarkan karkas yang disembelih secara halal, bersih , suci dan selamat dimakan. Sisa buangan pepejal dilupuskan di kawasan yang dikendalikan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Manakala bahagian pentadbiran pejabat menguruskan kerja-kerja pentadbiran dan kewangan.

Aktiviti penyembelihan di Kompleks Abatoir Kuala Terengganu dijalankan 7 hari seminggu termasuk hari cuti umum bagi memenuhi permintaan pengendali untuk membekalkan daging segar ke pasar setiap hari.


# LATAR BELAKANG PROJEK

## PROSES KERJA PENYEMBELIHAN TERNAKAN RUMINAN

### ALIRAN PROSES PENYEMBELIHAN LEMBU/KERBAU YANG MENUNJUKKAN HASILAN KARKAS DAGING, OFFAL DAN KULIT



Semasa proses penyembelihan dijalankan (eviserasi) karkas dibelah bahagian dada untuk mengeluarkan perut dan organ dalaman. Troli bertakung (Rujuk Gambar) digunakan untuk meletakkan perut tersebut sebelum ditolak ke bahagian pemprosesan. 1 troli hanya digunakan untuk seekor lembu sahaja. Jika melebihi dari satu ekor bilangan troli akan bertambah. Ini mengakibatkan pihak pengurusan menggunakan banyak troli untuk tujuan tersebut.



### **ISU / PERMASALAHAN PROJEK / SEBAB PROJEK DILAKSANAKAN**

Semasa menggunakan troli bertakung tersebut pihak pengurusan menghadapi beberapa masalah antaranya :-

- i. Jumlah troli yang banyak diperlukan jika jumlah sembelihan melebihi
- ii. Memerlukan ruang yang luas untuk meletakkan troli
- iii. Kos menyediakan troli

### **Sebab Projek dilaksanakan**

1. Bagi mengatasi penggunaan troli yang banyak serta kos yang tinggi dan menjimatkan ruangan kerja
2. Meningkatkan tahap kebersihan di tempat kerja

### **MATLAMAT PROJEK**

1. Menudahkan urusan pekerja untuk mengangkut perut
2. Mengatasi kesempitan ruangan kerja
3. Tahap kebersihan produk lebih terjamin

**GAMBAR SEBELUM (MENGGUNAKAN TROLI TAKUNG)**



**GAMBAR TROLI MUDAH ALIH DAN PENGGUNAANYA**



## **OUTPUT/OUTCOME/IMPAK PROJEK**

<b>Perkara</b>	<b>Troli takung (Sebelum)</b>	<b>Troli mudah alih (Selepas)</b>
<b>Ruangan kerja</b>	Memerlukan ruangan yang luas untuk meletakkan troli	Tidak memerlukan ruangan yang luas kerana troli boleh dilaraskan
<b>Kos Projek</b>	RM1,000 / unit	RM4,500
<b>Jumlah troli</b>	1 unit/ ekor Memerlukan sekurang-kurangnya 10 unit bergantung jumlah sembelihan	1
<b>Jenis troli</b>	Mudah alih (perlu tolak)	Mudah alih (Perlu tarik pemegang)

## **VIDEO**